

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN HAJI KHALID BIN
ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab mengapa diletakkan klausa dalam Perjanjian JPA 2015-2016 yang membenarkan pinjaman menjadi biasiswa dan apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk membenarkan pertukaran tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Pinjaman Boleh Ubah di bawah Model Baharu Penajaan adalah sebagai langkah untuk memastikan pulangan yang setimpal dengan pelaburan yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Ia berteraskan prinsip pulangan pelaburan kepada negara (ROI) dalam memastikan Kerajaan akan memperoleh bakat yang terbaik untuk Perkhidmatan Awam dan negara. Di samping itu, prinsip ini berupaya mewujudkan sifat kebertanggungjawaban penerima tajaan JPA kepada negara.

Perjanjian pinjaman dikuatkuasakan mengikut empat keadaan seperti berikut:

- i. pinjaman akan ditukar kepada biasiswa penuh dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam setelah tamat pengajian;
- ii. bayaran balik sebanyak 25% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat milik Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian;

- iii. bayaran balik sebanyak 50% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian; dan
- iv. bayaran balik keseluruhan pinjaman sekiranya pelajar bekerja di luar negara atau tidak bekerja.

Sekian, terima kasih.